

# Dari Sebulan ke Sebulan

Terbit daripada keputusan mahkamah atas perkara tuntutan ganti rugi yang didatangkan oleh En. Abdul Rahman Talib ke atas Tuan D.R. Seenivasagam di dalam mana keputusan itu diambil bahawa tuntutan kepada En. Abdul Rahman Talib tidak jaya maka Tuan Seenivasagam nampaknya berkokok di dalam sidang Parliament mengugut mengapa maka En. Abdul Rahman Talib tidak meletakkan jawatannya sebagai Menteri Pelajaran pada hari keputusan itu diputuskan iaitu pada hari Sabtu.

Kemudian dengan galakan ia mendatangkan tuduhan-tuduhan di dalam dewan itu serta menjadilah peristiwa-peristiwa perbahasan-perbahasan yang tidak sepatutnya terjadi dan dikait-kaitkan iaitu dengan sifat-sifat kejayaan yang didapatinya seolah-olah mencabar dan menghilangkan perasaan seseorang kepada orang lain bahkan timbulah sifat takburnya untuk menindas siapa jua dipandangnya terlebih kepadanya.

Tetapi orang yang berasal dari Ceylon ini apabila terjadi peristiwa-peristiwa yang buruk di daerah Ceylon lalu menghantar telegram kepada Tengku memohon supaya Tengku mengeluarkan bantuan negara kepada orang-orang di Ceylon itu dengan berdasarkan ihsan dan perikemanusiaan. Beginilah barangkali maksudnya kata pepatah “*kena mata dipejamkan, kena perut dikempiskan*”.

\* \* \*

Akhbar Straits Times telah menjadi kecaman di Dewan Rakyat dalam perbahasan mengenai

peruntukan Kementerian dan Penerangan Siaran Radio.

Ustaz Uthman Abdullah dalam ucapannya telah menyeru akhbar Straits Times itu berbentuk *Neo Colonialist* dan *Neo Imperialist* yang hanya menyebarkan kepentingan *Capitalist* “PETIR” saja.

Sejak masa-masa yang akhir ini katanya, boleh diperhatikan setiap berita dan ucapan-ucapan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin “PETIR” ini disiarkan oleh akhbar Straits Times dengan besar-besaran.

“Seolah-olah Lee Kuan Yew lah pemimpin yang kedua besarnya, selain daripada Tengku hari ini,” ujarnya.

Banyak kecaman-kecaman lagi yang timbul dan mungkin<sup>1</sup> kecaman-kecaman ini timbulnya apabila merasa dan melihat bagaimana akhbar itu menyebarkan berita-berita “PETIR” dengan luasnya berbanding dengan berita-berita lain, terutamanya kalau ada ucapan-ucapan P.M Singapura itu – tersiar penuh dan kadang-kadang berjela-jela.

Teguran ke atas Straits Times itu mendapat belaan daripada Utusan Melayu seolah-olah teguran itu ditujukan mengganggu<sup>2</sup> kebiasaan akhbar. Nampaknya *gentlement* sungguh Utusan Melayu di dalam soal ini. Suatu ketika seorang bekas anggotanya yang telah jadi wakil rakyat menegur kandungan Utusan Melayu dengan ikhlas atas cerita-cerita yang tersiar hari-hari yang boleh dikata bertelanjang langsung itu rakan kita Utusan Melayu lalu marah-marah kepada bekas anggotanya itu dengan tidak memikirkan kesan-kesan yang dilakukannya untuk merosakkan masyarakat, terutama

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah mungkin.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah menganggu.



Gambar kenangan-kenangan diambil di dalam majlis manyampaikan sijil kepada murid-murid Madrasah al-Taqaddum al-‘Ilmī, Kelantan yang telah tamat pelajarannya pada tahun 1963. Duduk tengah: 1.Muhammad Asri bin Haji Muda, Menteri Besar Kelantan.  
Di kanannya Nik Man, Timbalan Menteri Besar dan di kirinya al-Fādil Tuan Guru Haji Hasan Penguasa Madrasah.

pemuda-pemuda dan bolehlah juga dipandang perbuatan ini sebagai paku buah keras tuduhannya dulu kepada sebuah penerbit yang kononnya hidup atas buku-buku lucah yang tidak seluah seperti yang tersiar hari-hari dan mungkin<sup>3</sup> dengan kerana itulah untungnya tahun 1964 melambung-lambung. Apa tidakkah daripada siaran lucah?

\* \* \*

En. Abdul Rahman Talib di dalam rencananya yang tersiar di dalam Utusan telah membongkar suatu rancangan jangka panjang “PETIR” untuk menewaskan Perikatan dalam pilihan raya yang akan datang dengan cara yang licin dengan menggunakan alat autonomi dalam pelajaran untuk menghidupkan kader-kader dengan meminda undang-undang Nanyang University. Di bawah lindungan membersihkan universiti itu daripada anasir-anasir komunis

satu penyusunan semula Badan Pentadbiran Universiti itu direncanakan dan mungkin<sup>4</sup> Badan Pentadbiran Tertinggi di universiti itu akan dipenuhi oleh orang-orang yang ditunjuk oleh “PETIR” supaya universiti itu terletak di bawah kekuasannya.

Mengingat bahawa dua pertiga penuntut-penuntut itu dari Malaya, menurut pendapat En. Abdul Rahman Talib maka lepasan universiti Nanyang itu akan menjadi kader “PETIR” untuk mengembangkan pengaruhnya ke atas pengundi-pengundi Cina di Malaya dengan menggunakan *sentiment* bahasa dan kebudayaan Cina.

Inilah pendapat yang sememangnya mungkin<sup>5</sup> berlaku dan direncanakan dan kerana itu pihak Perikatan wajib beringat untuk menghapuskan ini suatu jalan yang mesti dijalankan iaitu hendaklah jangan

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah mungkin.

<sup>4</sup> Perkataan sebenar ialah mungkin.

<sup>5</sup> Perkataan sebenar ialah mungkin.

sudah hancur di dalam baru beringat tetapi hendaklah  
dihadang dari sekarang.

\* \* \*

Terbit daripada penjelasan Tun Razak menolak  
meminjam daripada Amerika kerana Amerika menggunakan  
bunga sebanyak lima peratus daripada pinjaman itu maka  
telah timbul gerakan anti-Amerika dan poster-poster pun  
ditampal di pejabat-pejabat Amerika dan hiduplah pula semangat  
anti-Amerika dengan cara-cara yang kasar.

Tengku, sebagai seorang tua dan ketua negara  
dengan tenang menyatakan bahawa kita yang berhutang dan orang  
memberi syarat hutang itu dengan bunga lima peratus  
dan kalau kita tidak sanggup dengan syarat itu  
sudahlah. Mengapa pula mesti marah-marah kepada orang yang  
memberi syarat.

\* \* \*

En. Tan Siew Sin, Menteri Kewangan Malaysia  
telah membidas bahawa televisyen Singapura dijadikan  
alat kerajaan “PETIR” dengan menggunakan orang-orang yang  
menyerang dasar-dasar kerajaan pusat dalam cukai pembayaran  
gaji dan cukai pelabur.

Tuan Rajaratnam, Meteri Kebudayaan Singapura  
menafikan adanya yang demikian itu. Tetapi orang  
Singapura pula bangun iaitu Senator Ahmad bin Haji  
Tap yang mendatangkan tuduhan bahawa sebenarnya Radio  
Singapura dijadikan alat dakyah “PETIR” di dalam  
soal yang tersebut dan seterusnya beliau menyerang akhbar  
yang lain-lainnya.

Untuk menjadi hakim dalam perkara ini tentulah  
bukan orang-orang “PETIR”, bukan Perikatan, bukan  
kerajaan “PETIR” dan bukan kerajaan pusat tetapi

yang menjadi hakim dalam soal ini ialah pembaca dan  
yang melihat serta mendengar radio dan televisyen  
Singapura serta membaca akhbar yang berkenaan dan sukar  
hendak menafikan, menurut pendapat kita akan tuduhan  
yang didatangkan oleh Senator Ahmad Haji Tap dan  
En. Tan Siew Sin itu.

\* \* \*

Tun Yusof, Yang di-Pertuan Negara Singapura  
di dalam ucapan tahun barunya di antara lain menyatakan  
bahawa sekiranya kita berbalah di antara satu sama lain  
dan membenarkan pula galakan-galakan yang tidak sihat  
mempengaruhi kita, maka timbulah kekacauan-kekacauan sebagaimana  
yang telah berlaku itu.

Ia memberi dua contoh untuk rakyat Malaysia  
dapat hidup di dalam aman dan damai – pertama,  
katanya, jangan percaya kepada khabar-khabar angin dan jangan  
mempedulikan pengkhianat-pengkhianat yang cuba hendak menaikkan  
perasaan berhubung dengan agama dan kaum.

Kedua, katanya, jangan menyebarkan propaganda-propaganda  
nakal.

“Sekiranya kita semua dapat mengelakkan dari  
dua pengaruh ini maka kita rakyat Malaysia akan dapat  
hidup dalam aman dan damai.”

Benar apa yang dikatakan ini iaitu selagi satu pihak  
tidak menyakiti pihak yang lain. Tetapi kalau pihak  
kerajaan sendiri, tidak mengawal dirinya umpamanya  
parti yang memerintah menghidup-hidupkan dan memanas-manaskan,  
kemudian apabila berlaku sesuatu bukan menyalahkan diri  
sendiri tetapi menyalahkan orang lain, mereka  
mencuci tangan seolah-olahnya orang yang bersih pada hal  
merekalah batu api yang besar untuk berkuasa penuh dengan

tipu dayanya supaya orang yang dihadapinya binasa dan runtuh.

\* \* \*

Dato' T. H. Tan Ketua Perikatan dalam Dewan Negara di dalam sidang dewan itu mencadangkan supaya gerila-gerila Indonesia ditembak apabila mereka mendarat di negeri ini. Indonesia, katanya, memaksa kita membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk memberi makanan, pakaian dan tempat tinggal kepada gerila-gerila mereka.

Memberi layanan kepada mereka merupakan suatu beban kepada kita. Yang demikian saya cadangkan gerila-gerila itu ditembak sebaik-baik saja mereka mendarat di tanah air kita.

Cadangan ini terlampau sangat keras dan tidak berperikemanusiaan iaitu seakan-akan kita berada di dalam negeri yang ganas dan zalim serta tidak ada ihsan.

Melihat kepada keadaan kedudukan Malaysia dengan Indonesia adalah negeri dalam keadaan perang yang tidak diisyiharkan. Ini dapat dilihat daripada Palang Merah Bangsa-bangsa yang diminta oleh Indonesia untuk memeriksa dan melihat-lihat keadaan mereka dan dengan itu pula maka dengan sendirinya tawanan-tawanan itu menjadi tawanan perang dan terikatlah peraturan-peraturan perang ke atas mereka. Sebab itu molek syor Tuan Rajaratnam, Menteri Kebudayaan Singapura dipakai menjadikan tawanan perang dan mereka menjalankan kerja-kerja sebagai buruh paksa. Ini adalah satu jalan bagi melepaskan bebanan yang ditanggungkan kepada kita.

\* \* \*

Kementerian Pelajaran Singapura telah berusaha benar-benar mengadakan sebanyak-banyaknya sekolah untuk rakyat dan

berusaha untuk meletakkan kanak-kanak sekolah di sekolah yang sehampir-hampirnya dengan rumah kanak-kanak itu. Itulah kononnya dasar kerajaan "PETIR" tetapi apa yang terjadi berlainan, benar sekolah banyak didirikan terutamanya Sekolah Menengah Campuran tetapi kejadian-kejadian ganjal banyak berlaku. Banyak terjadi sekolah yang nampak dari pintu rumahnya tidak dapat dimasukkannya anaknya tetapi anaknya terpaksa bersekolah sejauh berpuluhan batu dari rumahnya. Umpamanya ada seorang perempuan tinggal hampir benar dengan Sekolah Menengah Campuran Still Road. Anaknya bersekolah di Dunman Road dan kerana sekolah itu dengan sesuatu sebab maka anaknya dipindahkan ke batu sepuluh, Yio Chu Kang.

Ada juga mereka tinggal di Bedok dan anaknya disuruh bersekolah di Seletar yang menyebabkan orang tuanya mengambil keputusan memberhentikan saja anaknya dari sekolah. Tidak diketahui adakah dasar ini kerana hendak memberhentikan budak-budak yang lemah dalam pelajarannya atau pun dengan lain-lain sebab. Sepatutnya di dalam masa pemilihan tempat tinggal kanak-kanak adalah lebih diutamakan diperiksa dan baru disyorkan sekolah-sekolah yang mana dikehendakinya – bukan sekolah ada di hadapan rumahnya ia terpaksa pergi bersekolah berbatu-batu ke tempat lain.

#### SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU III

DRAMA

HARGA \$7.00

Pesan kepada:-

QALAM

356/6, GEYLANG ROAD

Singapore 14.

Apabila likur yang ketiga menjelma tambahanlah ibadah dengan jalan ber “iktiqaf” dan “berusaha beroleh *laylat al-qadr*” yang terletak dalam salah satu malam yang ganjil dalam likur yang ketiga (dari malam 21 hingga malam 30 Ramadān).

### **Adab Berpuasa.**

Rahsia dan hikmah puasa yang tersebut di atas tidak akan dapat oleh orang yang berpuasa sekiranya mereka tidak memelihara adab-adabnya dengan baik dan sempurna iaitu:

#### 1. Menjauhkan diri daripada yang merosakkan

puasa. Menjauhkan diri daripada mengumpat, mencela, mencaci maki, menista dan seumpamanya.

##### (a) al-Bukhārī meriwayatkan daripada Abī Hurayrah bahawa

Rasullullah (S.A.W) bersabda: “Barang siapa tidak meninggalkan *zūr* (dusta, mengumpat fitnah, dengki, bermusuhan, mengeluarkan perkataan-perkataan yang mendatangkan kemarahan Allah dan menimbulkan persengketaan dan keonaran) dan tiada meninggalkan pekerjaan itu, maka sesungguhnya Allah tiada menerima amalan puasanya.”

##### (b) Al-Ṭabarī meriwayatkan dari Abū ‘Ubaydah bahawa

Rasullullah (S.A.W) bersabda: “Puasa itu *junnah* (perisai) selama ia (puasa) tidak merosakkannya dengan dsta dan dengan umpat-mengumpat.”

##### (c) Ibn Khuzaymah meriwayatkan dari Abī Hurayrah

bahawa Rasullullah (S.A.W) bersabda: “Bukanlah puasa itu (hanya) dari makan dan minum sahaja tetapi puasa itu dari perkataan-perkataan kotor dan mencarut serta memaki.”

##### (d) Ibn Khuzaymah juga meriwayatkan dari Abī

Hurayrah bahawa Rasullullah (S.A.W) juga bersabda: “Beberapa

banyak orang yang berpuasa yang didapatinya dari puasanya hanyalah lapar dan dahaga sahaja. Dan beberapa banyak pula orang yang bersembahyang malam, hasil yang didapatinya hanyalah berjaga-jaga malam jua.

#### (h) Seorang penyair berkata: “Apabila pendengaran

ku tiada terpelihara daripada mendengar kata-kata yang keji; mata ku tiada terpelihara daripada melihat yang tidak dibolehkan; dan lidah ku sedemikian juga – kantungan ku dari pusaka itu hanya lapar dan dahaga sahaja sekalipun aku berkata: aku berpuasa hari ini tetapi sebenarnya aku tiada sekali-kali berpuasa.

#### 2. Mengurangkan makan dan minum.

Seseorang tidak mendapat faedah berpuasa jika ia rakus tatkala berbuka dan tamak tatkala bersahur sebagaimana yang biasa berlaku di dalam masyarakat kita.

Kebanyakan kaum muslimin menyediakan makanan-makanan pada bulan puasa jauh benar bezanya dari bulan-bulan yang lain.


Pada bulan puasa mereka mengumpulkan berbagai-bagai rupa makanan iaitu makanan yang terkadang-kadang tak pernah sekalipun mereka memakannya pada bulan-bulan yang lain. Mereka rakus kepada khurma<sup>1</sup>, minyak sapi, susu dan sirap.

Dengan perbuatan-perbuatan demikian puasanya bukanlah menjadi pisau untuk pemotong hawa nafsu atau alat untuk mematahkan syahwat berlebihan bahkan menjadi penambah gelora nafsu dan keinginan syahwat perut.

Kerap juga kita dapati setelah berbuka puasa tak sanggup bangun dari tempat duduknya untuk solat kerana perutnya sangat padat. Kadang-kadang kerana kekenyangan ia tidur hingga jauh malam.

Sebenarnya bahawa kita digemari meluaskan nafkah pada

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah kurma.



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tatkala menutup Majlis Perpaduan Malaysia sedikit masa

dahulu di Dewan Budaya di Kuala Lumpur.

Gambar Ihsan Dewan Bahasa.

bulan Ramadān dan hari-hari puasa tetapi tetapi caranya tidaklah demikian. Yang dimaksudkan mengeluarkan nafkah – membanyakkan pemberian kepada kaum kerabat yang berkeperluan sedang kepada fakir miskin untuk dijamu makan di rumah kita dan dengan jalan mengeluarkan sedekah kepada jalan Allah. Itu tidaklah menambah-nambah banyaknya makan untuk memenuhi perut sendiri.

3. Mengurangkan tidur terutamanya pada siang hari.

Banyak benar orang yang mencari-cari jalan tidur

supaya tidak terasa keletihan puasa di atasnya. Yang demikian ini menghilangkan hikmah dan pahala puasa yang sebenarnya. Keletihan dan kesusahan berpuasalah yang patut diharungi dan diselami.

4. Menahan diri dari memikirkan keinginan-keinginan yang rendah dan urusan-urusan yang keji.

Hendaklah diingat mendekatkan diri kepada Allah dan meninggalkan syahwat-syahwat yang diharuskan tidaklah penuh maknanya jika kita tidak mendekatkan diri kepada-Nya dengan meninggalkan segala rupa pekerjaan yang ditegah

5. Mengenang bencana-bencana akhirat.

Kelaparan dan kehausan kita hendaklah mengingatkan kita kepada kelaparan dan kehausan *ahl al-mahshar* pada hari yang sangat terik.

6. Menumbuhkan perasaan cemas dan harap sesudah berbuka.

Kita telah mengetahui sama sekali adakah puasa kita diterima atau ditolak. Kerana itu kita adalah sentiasa berharap dan bermohon setelah kita cemas atasnya semoga puasa kita diterima oleh Allah.

### **Amalan-amalan Bakti Pada Bulan Ramadān**

Di dalam bulan Ramadān hendaklah seseorang itu berbuat bakti sebagai orang bertanam hasilnya kelak akan dipetik hari akhirat. Amalan-amalan bakti yang disyariatkan dalam bulan yang berbahagia ini di antaranya:

1. Membanyakkan pemberian kepada orang yang memerlukannya.
2. Membanyakkan tilawah (membanyakkan membaca Qur'ān).
3. Menghidupkan malam-malam Ramadān dengan sembahyang (terawih).
4. Mengerjakan iktikaf apabila masuk puluhan yang akhir dalam bulan Ramadān untuk mengambil peluang bagi

menjauhkan diri bagi kebimbangan dunia buat berdoa, berzikir dan bagi mencari jalan mendapatkan *laylat al-qadr*.

5. Menghidupkan malam *laylat al-qadr* dengan membanyakkan doa dan bersungguh-sungguh beribadah pada malam-malam yang diharap adanya *Lailatul Qadar* itu.

### **Adab Berbuka dan Adab Bersahur.**

Perkara-perkara yang wajib dijauhi tatkala berbuka

dan bersahur itu ialah:

1. Memenuhkan *māidah*<sup>2</sup> dengan makanan sekaligus, seberapa banyaknya tatkala berbuka.
2. Membanyakkan makan atau minum.
3. Membanyakkan jenis makanan atau mewarna-warnikan atau membanyakkan jenis pengangan<sup>3</sup>.
4. Memakan makanan yang pedas.
5. Membanyakkan makan daging.
6. Mencapai makanan langsung sesudah bangun dari tidur dan membanyakkan diri tidur langsung sesudah makan.

Adapun perkara perkara yang wajib diikut dalam berbuka dan bersahur itu ialah:

1. Berbuka dengan kuah yang panas dan makanan yang mudah hancur seperti sup dan bubur.
2. Sembahyang Maghrib sesudah berbuka.
3. Menyempurnakan makan sesudah sembahyang maghrib.
4. Menyudahi makan sebelum perut penuh.
5. Menta 'khīrkan waktu sahur sehingga dekat subuh.
6. Mengadakan sedikit masa antara bangun dengan makan dan antara makan dengan tidur semula.
7. Menyedikitkan sahur.

**SUDAH TERBIT!**

**PERSURATAN MELAYU III**

**DRAMA**

**Harga \$7.00**

**Pesan kadapa :-**

**QALAM**

**356/6, GEYLANG ROAD,**

**Singapore 14.**

<sup>2</sup> Kalimah Arab yang bermaksud pinggan mangkuk.

<sup>3</sup> Berbagai-bagai jenis kuih dan kudapan-kudapan.